

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	9/11/2012

Pemerintahan demokrasi bukan mudah diamalkan

um-9/11/12

JAKARTA 8 Nov. - Sistem demokrasi yang semakin diterima luas oleh sebilangan besar negara merupakan satu sistem pemerintahan yang bukan mudah untuk diamalkan, tegas bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Keadaan itu menurut beliau, berlaku kerana sistem yang terbahagi kepada tiga aspek iaitu pentadbir, kehakiman dan kepimpinan pemerintah yang dipilih oleh rakyat masih kurang difahami oleh masyarakat.

Dr. Mahathir yang berpengalaman selama 22 tahun memimpin Malaysia menegaskan, pemahaman sistem demokrasi kepada majoriti rakyat terbatas kepada kebebasan memilih pemerintah, kebebasan bersuara, kebebasan akhbar dan kebebasan demonstrasi.

"Bagi negara yang sudah dewasa dalam demokrasi, mereka sedar setakat mana kebebasan boleh dipraktikkan.

"Kebebasan apa pun tidak boleh diamalkan tanpa had. Oleh kerana mereka tidak melebihi had sehingga menjadi mudarat, maka demokrasi mereka berjalan dengan baik dan negara menjadi stabil," kata Dr. Mahathir.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan kuliah bertajuk Perancangan Strategik Di Dalam Pembangunan, Kemakmuran dan Kerajaan Malaysia dan Republik Indonesia di Peringkat Antarabangsa Berdasarkan Budaya Lokal dan ASEAN di Universiti Mercu Buana di sini.

Dr. Mahathir diundang untuk menyampaikan ceramah yang dihadiri oleh golongan akademik dan penuntut-penuntut universiti berkenaan sempena ulang tahun ke-27 universiti berkenaan.

Pada masa sama, Dr. Mahathir tidak menafikan, demokrasi memang sistem yang baik kerana membolehkan perubahan pemerintah tanpa keganasan dan perang saudara.

"Bagaimanapun, ia (demokrasi) juga boleh mengancam kestabilan negara dan menghalang pertumbuhan ekonomi," kata Dr. Mahathir.

Dalam konteks amalan demokrasi juga, Dr. Mahathir menyifatkan, Malaysia dan Indonesia secara umumnya belum matang dalam menerima dan mengamalkan sistem pemerintahan demokrasi.

Menurut Dr. Mahathir, keadaan demikian berlaku kerana demokrasi bukan budaya asli kedua-dua bangsa berkenaan memandangkan nilai-nilai hidup perlu diubah dan diganti bagi menepati kehendak sistem itu.

Sehubungan itu, Dr. Mahathir mengajak, kedua-dua bangsa serumpun itu bertukar-tukar maklumat mengenai pengalaman masing-masing dalam pelaksanaan sistem demokrasi.

Mengulas mengenai kepentingan dan peranan budaya dan nilai hidup, Dr. Mahathir memberi contoh bagaimana bangsa Jepun telah membuktikan kepada dunia formula kejayaan mereka bertitik tolak daripada dua aspek itu.

"Jepun mempunyai perasaan malu yang amat sangat sehingga jika mereka gagal membuat sesuatu, mereka berasa begitu malu sehingga membunuh diri (hara kiri).

"Oleh kerana takut malu mereka berusaha bersungguh-sungguh supaya hasil kerja mereka tidak memalukan mereka," ujar Dr. Mahathir lagi. - UTUSAN